

Belanja istana raja RM200 juta setahun

U.M. 27 JAN 1993

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Kerajaan memperuntukkan kira-kira RM200 juta setahun bagi perbelanjaan istana-istana raja di seluruh negara, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, peruntukan tersebut digunakan bukan sahaja untuk tujuan pembangunan dan penyenggaraan istana tetapi juga saraan para pegawai istana.

"Jumlah peruntukan antara Istana Negara dengan istana di negeri-

negeri berbeza antara satu sama lain," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini petang ini.

Tanah

Beliau memberitahu demikian ketika diminta menjelaskan perbelanjaan dan peruntukan sebenar yang kerajaan keluarkan untuk semua istana raja-raja Melayu di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga me-

ngeluarkan perbelanjaan tambahan kepada raja-raja seperti pemberian tanah, lesen dan permit import kenderaan walaupun ia tidak sepatutnya berlaku.

"Kerajaan akui perkara ini dan kita telah lama cuba menolak tuntutan di luar undang-undang tetapi cara penolakan kerajaan masih mengikut adat resam dan tertib.

"Malangnya cara ini tidak berkesan. Dan apabila kita menolak, hubungan mungkin jadi tegang," tambahnya.